

08/03/1997

Daim, KSN dahului penerima bintang

SHAH ALAM, Jumaat - Penasihat Ekonomi Negara, Tun Daim Zainuddin dan Ketua Setiausaha Negara Datuk Abdul Halim Ali mendahului senarai 747 penerima Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat sempena ulangtahun keputeraan ke-71 Sultan Selangor, esok.

Daim dan Abdul Halim menerima Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) Kelas Pertama yang membawa gelaran Datuk.

Sultan Selangor juga menganugerahkan Darjah Kebesaran Seri Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah-Kelas Pertama kepada ahli perniagaan Datuk Count Jacob a/l Sigamoney.

Sebelas lagi menerima Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS-Kelas Kedua) yang membawa gelaran Datuk iaitu Duta Besar Malaysia di Beijing, Mat Amir Jaafar; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London, Datuk Kamaruddin Abu; Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam, Datuk Faiza Tamby Chik; Penggubal Undang-Undang Parlimen, Zaharah Ibrahim; Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Harun Salim; Presiden Malaysia Aids Council, Marina Mahathir; Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang, M Rajasingam dan doktor peribadi Sultan Selangor, Dr Charles C Yu.

Tiga lagi yang menerima darjah itu ialah ahli perniagaan Ahmad Lisot, Puan Sri Datin Chai Yu Lan dan Dr Jazmes Alfred A David.

Lima puluh tujuh orang menerima Darjah Kebesaran Datuk-Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (DSSA)-Kelas Kedua yang membawa gelaran Datuk.

Antaranya ialah Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Abdul Aziz Mohd Yusof; Ahli Parlimen Kuala Langat, Dr Shafie Mohd Salleh; Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kelana Jaya, Mokhtar Ahmad Dahalan; Adun Puchong, Mohamed Satim Diman; Adun Benta, Suhaimi Ibrahim dan Senator Datin Wan Intan Ahmad Tajuddin.

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Selangor, Shahaneem Hanoum N N Dadameah; Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, Nahwari Hashim; Panglima 11 Briged, Brig Jen Mohd Amin Md Saleh; Ketua Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor, Senior Asisten Komisioner II Mohamed Yaacob; Ketua Pengarah Telekom, Hod Parman dan bekas Ahli Parlimen Pantai, Kamal Hussain.

Sultan Selangor juga turut menganugerahkan Datuk Bergelar Datuk Diraja Selangor kepada Orang Besar Daerah Kuala Langat, Raja Uzair Tengku Zainon Rashid Shah (Engku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya Kuala Langat); Orang Besar Daerah Petaling, Datuk Abu Bakar Abdul Hamid (Datuk Orang Kaya Maha Bijaya).

Lima lagi ahli perniagaan turut menerima anugerah yang sama.

Selain itu, 10 menerima Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor (SMS-Kelas Ketiga).

Dua puluh tujuh menerima Darjah Kebesaran Setia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSA-Kelas Ketiga), termasuk Adun Sabak, Raja Ideris Raja Ahmad; Pegawai Daerah Klang, Mohd Ghazali Yahya; Pegawai Daerah Gombak, Ahmad Latffi Hashim; Timbalan Setiausaha Kerajaan (11), Amir Sharifuddin Abu Bakar; Pegawai Daerah Kuala Selangor, Ishak Ahmad; Ketua Polis Daerah Klang, Asisten Superitendan Aziz Ariarasa Abdullah; Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Superintendan Johar Che Din dan Ketua Eksekutif Institut Perkembangan Minda, Aidit Ghazali.

Lima puluh enam menerima Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Selangor (AMS-Kelas Keempat).

Tiga puluh tujuh menerima Darjah Kebesaran Ahli Sultan Salahuddin Abdul

Aziz Shah (ASA-Kelas Keempat).

Dua puluh enam lagi menerima Watikah Jaksa Pengaman (JP).

Tiga menerima Pingat Keberanian Terpilih (PKT).

Lima puluh enam menerima Pingat Perkhidmatan Terpilih (PPT) dan enam wartawan adalah antara 391 penerima Pingat Jaksa Kebaktian (PJK).

Mereka ialah Sa'odah Elias (New Straits Times), Minarni Mat Saad (Berita Harian), Aziz Ishak (Utusan Malaysia) dan Kasbon Harun, Zainal Abidin Abd Rahman serta Lena Che Wan dari Radio Tiga Shah Alam.

(END)